

BH Sabtu, 21 Januari 2023

Nasional

9

Syarat longgar jadi punca dana PENJANA diseleweng

SPRM jangka lebih ramai lagi dituduh selepas siasatan selesai

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Syarat longgar ditetapkan kerajaan dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) menjadi punca pihak tidak bertanggungjawab, termasuk majikan mengambil kesempatan mengambil permohonan menggunakan tuntutan palsu.

Pengarah Kanan Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Hishamuddin Hashim, berkata suspek mengambil kesempatan terhadap syarat sedemikian dengan menggunakan dokumen mengandungi maklumat pekerja dan program latihan palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Katanya, hasil siasatan mengesahkan individu yang di-

dakwa sebagai kakitangan kepada syarikat suspek tidak dapat dibuktikan dan program latihan juga tidak dilaksanakan sepenuhnya sebagaimana tuntutan.

"Jumlah peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan untuk program PENJANA adalah RM3.5 bilion dalam tiga peringkat iaitu, PENJANA KERJAYA 1.0, PENJANA KERJAYA 2.0 dan PENJANA KERJAYA 3.0, iaitu dari 15 Jun 2021 sehingga 31 Disember 2023.

"Objektif pemberian dana ini oleh kerajaan adalah untuk merangsang ekonomi ketika tempoh pandemik COVID-19 melalui Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Program Latihan Pekerja.

"Dalam kes ini, suspek dikehendaki mengambil kesempatan atas syarat longgar yang ditetapkan kerajaan dengan mengemukakan permohonan mendapatkan dana PENJANA menggunakan dokumen palsu," katanya dalam kenyataan semalam.

Hishamuddin berkata, Ops Hire yang dijalankan SPMR membabitkan kolaborasi strategik bersama PERKESO sudah



digerakkan sejak Julai lalu dan dilaksanakan di beberapa negeri di Semenanjung.

74 individu ditahan

Katanya, fokus siasatan adalah terhadap syarikat yang disyaki melakukan jenayah.

"Menerusi operasi ini, seramai 74 individu sudah ditangkap dan 61 syarikat turut disiasat. Siasatan mendapat jumlah yang terbabit dengan jenayah ini adalah sebanyak RM87,980,757.29.

"Sehingga 19 Januari 2023, seramai 27 individu didakwa di Mahkamah Khas Rasuah Kuala

Lumpur, Selangor dan Melaka di bawah kesalan Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang mana nilai keseluruhan tuntutan palsu adalah RM4,927,440.00. Wang hasil daripada aktiviti jenayah ini berjumlah RM3 juta juga berjaya dilucutahkan kepada kerajaan," katanya.

Katanya, ramai lagi suspek dijangka akan didakwa dalam masa terdekat selepas siasatan ke atas mereka diselesaikan.

"Siasatan masih diteruskan bagi mengesan individu atau syarikat yang disyaki terbabit melakukan jenayah rasuah, pemalsuan dokumen dan peni-

“Suspek dikesan mengambil kesempatan atas syarat longgar yang ditetapkan kerajaan dengan mengemukakan permohonan mendapatkan dana PENJANA menggunakan dokumen palsu”

Hishamuddin Hashim,
Pengarah Kanan
Siasatan
SPRM



puan bagi mendapatkan dana kerajaan di bawah program PENJANA.

"SPRM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang terbabit dalam isu ini," katanya.

Hishamuddin berkata, di samping itu sektor pencegahan melalui fungsi pemeriksaan dan perundingan juga akan menumpukan kepada penelitian amalan, sistem dan tatacara + agensi awam, khususnya dalam pengurusan dana atau geran kerajaan, bagi menutup ruang dan peluang berlakunya jenayah.